



Headline: Nombor TAC bank jadi taktik terkini penipu  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 27 December 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 8

## ***Nombor TAC bank jadi taktik terkini penipu***

### **ANTARA KES MELIBATKAN NOMBOR TAC BANK DI PAHANG:**

• **23 Disember 2019**

Penjawat awam rugi RM6,300 apabila wang dalam akaun banknya lesap selepas menyerahkan maklumat perbankan bank kepada 'pegawai polis' bagi mengelak akaun bank dibekukan selepas didakwa mempunyai tunggakan bayaran pinjaman.

• **20 Disember 2019**

Seorang wanita kerugian RM65,619 selepas menyerahkan maklumat kad bank kepada 'pegawai LHDN Alor Setar' bagi mengelak dikenakan tindakan bank selepas didakwa mempunyai tunggakan cukai lebih RM17,000.

• **15 Disember 2019**

Pelajar rugi RM13,000 apabila wang dalam akaun banknya dipindahkan disyaki didalangi dua individu selepas dia menyerahkan maklumat nombor hadapan kad bank, nombor pin TAC kepada suspek bagi tujuan semakan dan mengelak dikenakan tindakan selepas nombor kad pengenalannya disalah guna pihak lain selain dikaitkan dengan kes pengubahan wang haram.

• **7 Disember 2019**

Seorang suri rumah rugi RM7,000 apabila wang dalam akaun bank yang baru dibuka atas arahan seorang pegawai polis wanita berpangkat inspektor lesap. Mangsa dimaklumkan kononnya kad pengenalannya disalah guna pihak lain untuk menyewa kenderaan bagi tujuan jenayah.

• **5 Disember 2019**

Seorang pemuda rugi hampir RM10,000 apabila wang dalam dua akaun banknya dipindahkan oleh 'pegawai polis' selepas menyerahkan maklumat kad bank dan nombor TAC kepada suspek untuk disiasat selepas mendakwa kad pengenalannya digunakan pihak lain untuk memohon kad kredit dan pinjaman selain mengalami tunggakan RM10,000.

KUANTAN - Alasan untuk mengemas kini atau membetulkan butiran akaun bank antara helah yang digunakan sindiket penipuan untuk memperdaya mangsa menyerahkan maklumat perbankan internet dan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) sebelum wang dalam akaun bank mereka disapu licin.

Ada juga kes di negeri ini, menyaksikan si penjenayah menggunakan alasan untuk membetulkan nombor telefon tersalah daftar, membatalkan pinjaman dan pembayaran bil hospital datuk dan nenek mangsa.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, sehingga September 2019, sebanyak sembilan kertas siasatan dibuka berkaitan penipuan menggunakan seumpama itu.

"Daripada jumlah itu, enam kes dilaporkan di daerah Temerloh, dua kes di Kuantan dan satu kes di Rompin dengan jumlah kerugian lebih RM35,000," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Mohd Wazir berkata, berdasarkan kes-kes yang dilaporkan, suspek yang menyamar sebagai pegawai bank, polis, dan pegawai dari pelbagai agensi akan menghubungi mangsa melalui aplikasi What-

sApp, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dan panggilan telefon dengan memaklumkan akaun bank mangsa ada masalah yang perlu dikemas kini.

"Suspek akan minta nombor TAC daripada mangsa dengan alasan untuk mengemas kini butiran bank dan biasanya anggota sindiket penipuan itu menggunakan pelbagai alasan selain nombor telefon yang berbeza setiap kali menghubungi mangsa.

"Walaupun kes-kes melibatkan scammer sering dilaporkan, namun masalah itu seolah-olah tiada kesudahan apabila masih ramai yang menjadi mangsa melalui pelbagai modus operandi," katanya.

Mohd Wazir berkata, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai individu tidak dikenali kalau dihubungi apatah lagi sekiranya dimaklumkan terlibat dalam kes jenayah, tunggakan pinjaman, hutang kad kredit dan sebagainya atau perkara yang meragukan.

"Jangan sesekali menyerahkan maklumat bank, butiran perbankan internet dan nombor TAC kepada pihak yang tidak dikenali atas apa alasan sekalipun.

"Sentiasalah tukar kata laluan perbankan dalam talian dengan segera jika pernah berkongsi apa-apa maklumat dengan individu lain," katanya.